

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(B)(XXIII)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

1. Langkah terbaik pemasangan *Smart Street Pole* untuk capaian internet 4G-5G.
  - (a) Apakah ianya akan dibuat di KADUN Pulau Betong untuk membantu masalah kronik internet?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. (a) Pada masa kini, Kerajaan Negeri telah berada di peringkat terakhir bagi memuktamadkan Garis Panduan bagi pelaksanaan Projek *Smart Street Pole* (SSP) di Pulau Pinang. Setelah diluluskan kelak, pelaksanaan projek SSP ini akan dijalankan secara komersial dan akan memberi keutamaan di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi, kawasan tumpuan pelancong dan kawasan yang tidak mempunyai liputan internet yang baik termasuklah di kawasan Pulau Betong. Pelaksanaan projek ini akan dibuat secara berperingkat bermula pada suku pertama tahun 2022.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(B)(XXIII)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

2. Permit Sementara Perniagaan Dari Rumah amat bagus untuk peniaga kecil di kawasan luar bandar seperti di sini.
  - (a) Berapakah permohonan yang berjaya diluluskan dari KADUN Pulau Betong?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. (a) Permit Sementara Perniagaan Dari Rumah mula diperkenalkan pada Disember 2020. Setakat ini terdapat lima (5) Permohonan Permit Sementara Perniagaan Dari Rumah yang diluluskan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi peniaga dari KADUN Pulau Betong.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(B)(XXIII)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

3. Bagaimanakah bantuan perniagaan bagi peniaga kecil Permit  
Sementara Perniagaan Dari Rumah?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. Setakat ini, kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan tidak memberikan sebarang bantuan perniagaan bagi peniaga kecil Permit Sementara Perniagaan Dari Rumah.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(B)(XXIII)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

4. Di kala endemik ini, peniaga kecil baru kembali bertapak untuk meningkatkan perniagaan.
  - (a) Apakah rangsangan ekonomi kerajaan untuk membantu mereka?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. (a) Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa inisiatif dalam membantu peniaga-peniaga di Negeri Pulau Pinang yang baru kembali bertapak untuk meningkatkan perniagaan melalui insentif pemulihan seperti berikut:
  - i. Menyalurkan bantuan sebanyak RM500 secara *one-off* kepada peniaga kecil & penjaja berlesen, kompleks makanan / kedai persendirian (*shop lot*), penjaja bertagging, gunting rambut / salun rambut, salun kecantikan & spa, refleksiologi, bekam, sukan, mobile spa menerusi Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang. Pakej ini memberikan manfaat kepada 19,016 orang peniaga di kawasan MBPP dan 21,343 orang peniaga di Kawasan MBSP dengan kos yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri adalah masing – masing sebanyak RM9,508,000.00 dan RM10,671,500.00;
  - ii. Mengecualikan bayaran sewaan dan lesen gerai dibawah seliaan PBT bagi tahun 2020 dan 2021. Pakej ini memberikan manfaat kepada 6,214

penyewa gerai MBPP dan 5,350 penyewa gerai MBSP dengan kos yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri adalah masing - masing sebanyak RM1,931,526.99 dan RM2,737,175.00;

- iii. Mengecualikan bayaran permit penganjuran pasar malam/pagi/minggu/tani selama tempoh 9 bulan pada tahun 2020 dan 12 bulan pada tahun 2021. Kos yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri bagi pakej ini adalah sebanyak RM182,440.00 di MBPP dan RM30,480.00 di MBSP;
- iv. Mengeluarkan Permit Sementara Bagi Perniagaan Dari Rumah (*Business From Home*) sejak Oktober 2020;
- v. Mendigitalkan platform bisnes secara atas talian (*online*) kepada peniaga – peniaga tempatan melalui program Jom Beli Online (JBO) di Kawasan MBPP dan insiatif e-wallet Boost di kawasan MBSP;
- vi. Mewujudkan lokasi penempatan semula penjaja bagi penjaja yang tidak berlesen di 21 buah lokasi di kawasan MBPP dan 25 buah lokasi di kawasan MBSP;
- vii. Mengisi tapak pasar/ kompleks/ tapak penjaja MBPP dan MBSP dengan lebih kerap serta proses permohonan dilaksanakan secara atas talian bagi memastikan orang awam boleh memohon dan mendapat tapak perniagaan dengan pengecualian caj bayaran selama tempoh 6 bulan;
- viii. Membenarkan perniagaan di atas tanah persendirian dengan konsep *push cart / stall* adalah dibenarkan tanpa sebarang struktur binaan kekal;
- ix. Memperkenalkan perniagaan melalui lesen trak bergerak turut diperkenalkan bagi memudahkan para peniaga baharu beroperasi di tiga (3) lokasi yang dibenarkan; dan

- x. Menjalankan kerjasama dengan *Boost Business* yang menyediakan bantuan pembiayaan sehingga RM20,000.00 bagi membantu peniaga - peniaga menghidupkan Kembali perusahaan / perniagaan yang terjejas akibat COVID-19.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(B)(XXIII)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

5. Sering kali kita dengar apabila mengambil dos ketiga penggalak vaksin ada masalah saraf dan ada dimasukkan segera ke wad kecemasan.
  - (a) Berikan penjelasan tentang isu ini.
  - (b) Apakah langkah penyelesaian masalah risiko ini?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. (a) Berdasarkan data pihak Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pulau Pinang sehingga tarikh 8 November 2021, terdapat sebanyak 16 kes *adverse effect following immunisation* (AEFI) yang telah dilaporkan susulan daripada pemberian dos ketiga (dos penggalak). Kesemua 16 kes yang dilaporkan ini dikategorikan sebagai kes ringan.  
  
(b) Memandangkan kesan sampingan vaksin dan risiko kes AEFI ini bergantung kepada antibodi setiap penerima vaksin, justeru itu pihak JKN Pulau Pinang akan sentiasa memantau kes AEFI dalam kalangan penerima vaksin COVID-19 pada setiap masa. Penerima vaksin juga boleh melaporkan terus sebarang kesan sampingan akibat pengambilan vaksin melalui aplikasi MySejahtera.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(B)(XXIII)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

6. Pemasaran digital merupakan kaedah terbaik dalam membantu peniaga kecil di kawasan luar bandar.
- (a) Apakah tindakan kerajaan dalam membantu platform ini untuk peniaga kecil di Balik Pulau?

**YB. DATO' HAJI ABDUL HALIM BIN HAJI HUSSAIN  
MENJAWAB BAGI PIHKAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. (a) Antara tindakan Kerajaan Negeri membantu platform pemasaran digital bagi membantu peniaga kecil di kawasan luar bandar termasuk di Balik Pulau adalah seperti berikut:
- (i) Inisiatif tanpa tunai di semua 56 buah pasar awam seluruh Negeri Pulau Pinang termasuk salah satu daripadanya adalah di Pasar Awam Balik Pulau. Program ini merupakan kerjasama di antara Bank Negara Malaysia (BNM) dan 17 penyedia perkhidmatan kewangan untuk memastikan kesemua peniaga pasar menggunakan perkhidmatan e-wallet;
- (ii) Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah memperkenalkan Jom Beli Online JBO@MBPP yang merupakan satu platform online bagi membolehkan peniaga kecil terutama di sekitar kawasan Balik Pulau mempromosi produk mereka dengan norma baharu di mana proses jualan adalah menjurus kepada konsep take away dan jualan atas talian. MBPP telah turut bekerjasama dengan beberapa syarikat penghantar makanan

seperti DeliverEat, BungkusIt, Tapaufood dan Grab Food bagi tujuan meluaskan lagi pilihan jualan menerusi platform secara *online* untuk membantu golongan peniaga kecil di Pulau Pinang termasuk di Balik Pulau;

- (iii) Pada April 2020, Kerajaan Negeri melalui Penang Halal International (PHI) telah memulakan inisiatif untuk bekerjasama dengan Foodpanda yang merupakan peneraju platform makanan atas talian bagi membantu komuniti peniaga di Pulau Pinang termasuk Kawasan Balik Pulau memasarkan produk jualan mereka melalui platform pemasaran digital, sekaligus menjayakan kempen '*Next Normal Penang Strategy*' yang telah diperkenalkan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow. Program Penang Food4U ini telah berlangsung pada April 2020 hingga Disember 2021.

Kempen Penang Food4U yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri melalui PHI telah memberikan manfaat kepada peniaga dari segi:

- (1) Membuka ruang dan peluang pasaran, justeru, peniaga baru yang berdaftar di platform Foodpanda dan menggunakan kemudahan ini telah lebih daripada 35% di Pulau Pinang ; dan
- (2) Mencipta peluang pekerjaan sebagai penghantar makanan Foodpanda. Terdapat penambahan baru lebih daripada 300 penghantar makanan yang aktif di Pulau Pinang disebabkan permintaan yang kian meningkat akibat pandemik ini.

Antara kursus anjuran Kerajaan Negeri tahun 2021 dan bilangan penyertaan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

**LAMPIRAN A**

Bil.	Tarikh	Nama Kursus/Program	Agenzi Kerjasama	Objektif	Bilangan Penyertaan
1	25 Mac 2021	Program Taklimat Usahawan 2021	Anjuran PDC	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Mengetahui prosedur untuk membuat permohonan sijil pendaftaran syarikat (SSM) dan memahami kepentingannya dalam perniagaan</li> <li>b. Mengetahui prosedur untuk mendapatkan lesen perniagaan (MBPP dan MBSP) bagi penjaja dan peniaga kecil serta memahami kepentingannya dalam perniagaan</li> <li>c. Mengetahui dengan lebih mendalam bantuan perniagaan/geran yang ditawarkan oleh Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) dan SME Corp. Malaysia bagi mengembangkan perniagaan</li> </ul>	30
2	21 April 2021	Taklimat Webinar Pembiayaan Perniagaan PUNB	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Memperkenalkan skim pembiayaan perniagaan dan perkhidmatan sokongan korporat yang ditawarkan oleh pihak PUNB kepada usahawan-usahawan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).</li> </ul>	41

				<p>b. Meningkatkan penyertaan dan penglibatan bumiputera dalam bidang keusahawanan dengan meningkatkan kualiti usahawan bumiputera dalam sektor industri dan komersil.</p> <p>c. Model perniagaan adalah tertumpu kepada pakej keusahawanan bersepadu merangkumi pembiayaan perniagaan bermula RM100,000.00 sehingga RM 10 juta dan sokongan perniagaan bagi membantu usahawan bumiputera memantapkan perniagaan mereka, mengekalkan keuntungan perniagaan dan membentuk perniagaan ke arah kecemerlangan.</p>	
3	15 Julai 2021	Seminar Membangunkan Produk (Aspek Pembungkusan, Pelabelan dan Penjenamaan)	Pusat Pembangunan Reka Bentuk Malaysia (DDEC)	<p>a. Meningkatkan imej produk dari segi rekabentuk pembungkusan dan pelabelan yang bersesuaian dengan kehendak pasaran</p> <p>b. Meningkatkan kualiti produk yang dikeluarkan oleh usahawan agar berpotensi untuk</p>	128

				<p>memasuki pasaran yang lebih besar</p> <p>c. Menimba pengetahuan dan kemahiran membuat pembungkusan, pelabelan dan penjenamaan produk yang berkualiti dan menarik</p>	
4	24 Ogos 2021	Kursus “Zero Cost Marketing”	Anjuran PDC	<p>a. Mempelajari teknik-teknik untuk memasarkan produk/perkhidmatan perniagaan dengan percuma</p> <p>b. Mengenal pasti potensi pasaran sedia ada untuk mengembangkan perniagaan</p> <p>c. Menghubungkan usahawan dan pelanggan dengan lebih efisien dengan kos minima, serta mlariskan produk/perkhidmatan</p>	285
5	29 September 2021	CERAMAH PENGENALAN eUSAHAWAN	Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)	<p>a. Memberikan pendedahan berkaitan pengetahuan perniagaan secara keseluruhan yang merangkumi aspek pengurusan kewangan, pengurusan perniagaan,</p>	121

				penjenamaan, pemasaran secara digital, dan banyak lagi	
6	28 Oktoper 2021	Kursus Kemahiran Interpersonal dalam Dunia Perniagaan	Anjuran PDC	<p>a. Mempelajari kemahiran interpersonal merangkumi kemahiran komunikasi yang baik, kemahiran mendengar dan sikap sebagai penentu kejayaan dalam perniagaan yang diceburi</p> <p>b. Memperkuuh kemahiran dan pengetahuan usahawan ke arah meningkatkan tahap kecekapan perkhidmatan dan penyampaian serta memahami strategi perniagaan (promosi, bekalan dan pengedaran berkesan)</p> <p>c. Mempelajari teknik berkomunikasi yang berkesan, menangani konflik dan bertindak balas terhadap persekitaran berorientasikan pasukan serta keperluan pelanggan dengan sewajarnya</p> <p>d. Meningkatkan potensi usahawan untuk menyelesaikan masalah yang kompleks, berfikiran kritis dan menguruskan hubungan secara</p>	71

				baik di dalam maupun luar organisasi	
7	10 April 2021	Kursus Usahawan Digital ABCD (Siri 6)	Anjuran MMK Pembangunan Keusahawanan	a. Membina semula jati diri berdasarkan kaedah Kembali kepada fitrah (back to basics)	60
8	11 April 2021	Kursus Usahawan Digital ABCD (Siri 7)	Anjuran MMK Pembangunan Keusahawanan	a. Melahirkan usahawan industri halalan toyyiba untuk pasaran global.	60
9	28-29 Ogos 2021	Kursus Dropshipper Usahawan Pulau Pinang	Anjuran MMK Pembangunan Keusahawanan	a. Memberi pendedahan dan pengetahuan kaedah penggunaan dan teknik pemasaran aplikasi Affiliate dan Dropshipping	30
10	20-21 November 2021	Kursus Terokai Pemasaran Digital Menerusi Platform Media Sosial	Anjuran MMK Pembangunan Keusahawanan	a. Memaksimumkan penggunaan pemasaran digital yang berkesan untuk menjangkau khalayak berskala besar untuk legasi prospek berterusan.	100
11	26-28 November 2021	Kursus Advance Digital Marketing	Anjuran MMK Pembangunan Keusahawanan	a. Memberi pendedahan terhadap kaedah pemasaran digital (trending)  b. Menimba ilmu dan kemahiran melalui praktikal pemasaran digital (hands-on) melalui guideline yang tepat dan seterusnya dapat membuka ruang pemasaran antarabangsa	180

				kepada peserta bagi menjana dan meningkatkan pendapatan.	
--	--	--	--	--	--

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(B)(XXIII)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

7. Sektor pelancongan tempatan mula kembali ketika endemik.
- (a) Apakah sistem sokongan untuk membantu sektor ini di Balik Pulau?

**YB. YEOH SOON HIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

7. (a) Projek *Penang International Container Arts Festival* (PICAF) di Balik Pulau berperanan sebagai salah satu tarikan baharu untuk memperkenalkan makanan-makanan istimewa yang ditawarkan di Balik Pulau seperti laksa, durian Balik Pulau dan sebagainya.

Kerajaan Negeri juga giat mempromosikan ekopelancongan di kawasan Balik Pulau melalui aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- (i) Mempromosikan destinasi ekopelancongan di Negeri Pulau Pinang melalui pameran pelancongan dan pameran perdagangan dengan menerbitkan risalah, peta dan dokumentari untuk edaran umum;
- (ii) Memberi tumpuan kepada aktiviti *birdwatching* dengan menerbitkan risalah '*Birdwatching in Penang*' bagi meningkatkan minat kepada aktiviti ini;

- (iii) Menggalakkan konsep ekopelancongan di mana dengan mengadakan *familiarization trip* ke Balik Pulau dengan ejen-ejen pelancongan, media dan *Key Opinion Leader (KOL)*;
- (iv) Selain itu, video promosi seperti “*Experience it All in Penang*”, “*Penang Through the Lens*” “*The Other Side of The Island - Teluk Bahang and Balik Pulau*” dan “*The Opposite Side Of The Island Seberang Perai*” yang mencerminkan keistimewaan dan kecantikan Teluk Bahang, Balik Pulau, dan Seberang Perai telah dihasilkan untuk mensasarkan pasaran domestic, dan
- (v) Risalah dan peta seperti *The other side of the Island Balik Pulau*, *The Other Side of The Island Teluk Bahang*, *Seberang Perai Street Food*, *Seberang Perai Tourist Map* dan *Seberang Perai Heritage Map* telah dihasilkan dan digunakan dalam *tradeshow*, *roadshow*, *sale mission*, serta *familiarization trip* ke Pulau Pinang. Risalah-risalah tersebut boleh dimuat turunkan secara *online* dari <https://mypenang.gov.my/downloads/> dan ia juga akan disediakan di tempat-tempat seperti hotel-hotel, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, pusat membeli-belah dan tempat-tempat tarikan pelancong untuk mempromosikan daya tarikan selain dari George Town.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(B)(XXIII)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

8. Walaupun endemik kita harap sistem urusan digital diteruskan untuk membantu penduduk yang tinggal jauh dari MBPP seperti di Balik Pulau.
  - (a) Bagaimakah sistem ini boleh diguna pakai oleh penduduk?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

8. (a) Kerajaan Negeri menyedari kesukaran yang dialami oleh penduduk yang tinggal jauh daripada pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk menjalankan urusan rasmi seperti penduduk di Balik Pulau sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Justeru, pihak MBPP telah menyediakan pelbagai perkhidmatan digital bagi memudahkan penduduk di seluruh Negeri Pulau Pinang untuk menikmati perkhidmatan MBPP secara atas talian. Antara perkhidmatan secara atas talian yang dapat diakses melalui Laman Web Rasmi MBPP adalah seperti berikut:
  - (i) Buat Aduan & Semak Aduan;
  - (ii) Carian Maklumat Direktori Kakitangan;
  - (iii) Permohonan Online Temujanji Pelawat untuk Berurus di Pejabat MBPP;

- (iv) Permohonan jawatan kosong (tersedia sepanjang tempoh iklan dibuka);
- (v) Semak Premis MBPP Untuk Disewa;
- (vi) Semakan Cukai Taksiran & Pembayaran Online;
- (vii) Semak dan Bayar Online Kompaun-Kompaun Kesalahan;
- (viii) Penang Smart Parking - Bayar Tempat Letak Kereta/Bayar Kompaun;
- (ix) Pohon, Semak Status dan Bayar Online untuk Lesen-Lesen Perniagaan,Permit Banting;
- (x) Temuduga Online Permohonan Penyewaan Gerai di Pasar dan Kompleks MBPP (tersedia sepanjang tempoh iklan dibuka);
- (xi) Pendaftaran Dan Pembelian Dokumen Tender/Sebut harga;
- (xii) Permohonan dan Semakan Bantahan Cukai Taksiran;
- (xiii) Penyata Maklumat Harta Cukai Taksiran
- (xiv) Kemaskini Alamat Surat Menyurat,Emel dan Nombor Telefon Bimbit untuk Bil Cukai Taksiran;
- (xv) Muat Turun Borang-Borang Perkhidmatan MBPP;
- (xvi) Jom Beli Online - JBO@MBPP
- (xvii) Integrated Local Council Solution (ILCS) - Pohon, Bayar dan Semak Status Permohonan Kebenaran Merancang,Pelan Bangunan,Pelan Kejuruteraan dan Warisan;
- (xviii) Maklumat Inventori Pokok di Kawasan Pentadbiran MBPP; dan
- (xix) Penang Island Map (PiMAP)

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(B)(XXIII)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

9. Apakah usaha transformasi tanah lapang kepada kawasan hijau di KADUN Pulau Betong?

**YB. SOON LIP CHEE  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

9. Terdapat 30 buah tanah lapang yang diselenggara oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di Pusat Khidmat kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pulau Betong. Sebanyak 27 buah daripadanya telah disediakan dengan kemudahan perabot taman seperti laluan *jogging*, lampu taman, alatan mainan kanak-kanak, alatan senaman dan papan tanda taman untuk masyarakat setempat beriadah.

Kemudahan perabot taman akan disediakan mengikut saiz tanah lapang dan berdasarkan keperluan penduduk setempat melalui borang soal selidik yang akan diedarkan kepada penduduk sekitar melalui kerjasama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawasan dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung. Pelaksanaannya dijangka akan bermula pada suku kedua tahun 2022.

MBPP akan menaik taraf tanah lapang dan menambah perabot taman pada setiap tahun mengikut permohonan daripada penduduk setempat melalui ADUN Kawasan dan bergantung kepada kesesuaian lokasi serta saiz tanah lapang tersebut sebagai taman kejiranan dan kawasan riadah awam.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(B)(XXIII)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

10. Apakah data vaksinasi bagi orang dewasa dan pelajar sekolah di KADUN Pulau Betong?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

10. Data vaksinasi bagi orang dewasa dan pelajar sekolah di KADUN Pulau Betong, Pusat Maklumat COVID-19 Kebangsaan tidak mempunyai data vaksinasi mengikut KADUN dan merekod mengikut daerah di Negeri Pulau Pinang.

---

Untuk daerah Barat Daya, prestasi pemberian vaksin Covid-19 untuk dewasa sehingga 8 November 2021 dan remaja sehingga 16 November 2021 adalah:

Dewasa : 277,538 (157.2%) dos 1, 267,414 (151.4%) dos 2

Remaja : 11,674 (90.1%) dos 1, 10,720 (82.7%) dos 2

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(B)( XXIII)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

11. Apakah perancangan MBPP dalam Bajet 2022 untuk Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pulau Betong?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

11. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah membuat perancangan dalam Bajet 2022 antara lain iaitu bagi penambahan lampu jalan awam di seluruh kawasan pulau termasuk KADUN Pulau Betong. Penambahan lampu ini adalah berdasarkan permohonan awam, keperluan serta kesesuaian tapak.

Selain itu, pihak MBPP juga telah merancang untuk membuat penyelenggaraan secara berkala di pasar dan kompleks KADUN Pulau Betong bagi memberi keselesaan kepada peniaga serta pengguna. Dalam Bajet 2022 juga telah diperuntukan untuk melaksanakan penyelenggaraan pokok-pokok serta pembaikan kawasan lapang. Skop kerja penyelenggaraan / pembaikan adalah termasuk kerja-kerja penyelenggaraan pokok-pokok teduhan di tepian jalan, pemotongan rumput, penyelenggaraan alat senaman dan alat permainan serta pembaikan tanah lapang

laluan seperti pejalan kaki, pagar, gelanggang dan lain-lain.

Pembelian satu unit kenderaan ‘*compactor unit*’ juga diperuntukan dalam Bajet 2022 untuk menambah baik perkhidmatan kutipan sampah di Parlimen Balik Pulau termasuk KADUN Pulau Betong.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(B)(XXIII)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

12. Nyatakan perincian bilangan dan jenis perniagaan bagi peniaga yang dikecualikan bayaran sewa premis dan permit MBPP sehingga 31 Disember?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

12. Jumlah keseluruhan peniaga yang telah diberikan pengecualian bayaran sewa premis dan permit Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah seramai 6,061 orang peniaga. Perinciannya adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

## LAMPIRAN A

### JENIS DAN BILANGAN PERNIAGAAN YANG DIKECUALIKAN BAYARAN SEWA PREMIS DAN PERMIT DI MBPP

BIL	JENIS PERNIAGAAN	BILANGAN PENIAGA
1	Sayur (Sayur Masin/Ulam)	459
3	Barang Am / Runcit	1,261
4	Kelapa / Santan	67
5	Telur	51
6	Rempah	45
7	Bunga	43
8	Taukua/Taugeh	89
9	Daging Lembu	64
10	Hasil Laut	619
11	Daging Kambing	23
12	Buah-buahan	160
13	Ayam	176
14	Daging Khinzir	154
16	Bebola Ikan	47
17	Makanan	2,462
18	Minuman	341
JUMLAH		6,061

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(B)(XXIII)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

13. Apakah pelan tindakan Kerajaan Negeri jika berlaku lagi gelombang besar COVID-19?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

13. Kerajaan Negeri melalui jabatan dan agensi-agensi yang berkenaan akan sentiasa berada dalam keadaan bersiap siaga bagi menghadapi sebarang kemungkinan. Tiga elemen utama adalah:

- (a) Kawalan dan pencegahan penularan COVID-19: Memutuskan rantaian transmisi melalui aktiviti saringan bagi pengesanan kes dan kontak serta mengukuhkan aktiviti surveyan COVID-19;
- (b) Kesiapsiagaan Sistem Penjagaan Kesihatan: Mengenal pasti fasiliti kesihatan yang bertindak sebagai pusat rawatan COVID dengan kapasiti katil dan keperluan ICU yang mencukupi; kapasiti makmal bagi menjalankan ujian COVID; sumber yang mencukupi termasuk sumber manusia serta aset & peralatan perubatan;
- (c) Pemerkasaan Masyarakat: Memperkasakan masyarakat awam termasuk YB Kawasan dan ketua-ketua komuniti dalam amalan norma baharu dan pematuhan terhadap Pematuhan Standard Operasi (SOP); dan
- (d) Pihak Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) sedang bekerjasama dengan pihak PH Corp bagi meningkatkan penglibatan fasiliti swasta dari segi bilangan dan juga penambahan dos di fasiliti yang sedang melaksanakan pemberian dos penggalak (booster).

- (i) Sehingga 22 November 2021, jumlah penerima dos penggalak vaksin di Pulau Pinang adalah 43,168 orang. Berikut disertakan bilangan penerima dos booster di negeri lain di Malaysia seperti di **LAMPIRAN A**;
- (ii) Setakat 22 November 2021 bagi negeri Pulau Pinang, terdapat 78 klinik swasta dan lapan (8) hospital swasta yang terlibat dalam pemberian vaksin Covid-19;
- (iii) Mulai 22 Nov 2021, mereka yang ingin mendaftar sebagai *backup list* di Fasiliti Kesihatan Swasta (Pulau Pinang ada 78 Klinik Swasta dan 8 Hospital Swasta dan Sunshine di bahagian pulau) boleh hubungi PPV yang di senaraikan di laman web ProtectHealth : <https://vaksincovid.protecthealth.com.my/find>;
- (iv) Ini terbuka kepada penerima dos penggalak yang layak (40 tahun ke atas, warga emas, 18 tahun ke atas yang komorbid, *Frontliners*)/belum menerima vaksin/terlepas dos kedua. Buat masa ini hanya Vaksin Pfizer yang ditawarkan; dan
- (v) Senarai fasiliti swasta yang terlibat dalam Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) bagi Negeri Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN B**. Kenyataan Media dari ProtectHealth seperti di **LAMPIRAN C**.

**LAMPIRAN A**

NEGERI-NEGERI	DAILY BOOSTERS (setakat 22 November 2021, 11:59pm)	JUMLAH BOOSTERS (setakat 22 November 2021, 11:59am)
1. SARAWAK	16 690	491 645
2. KLANG VALLEY	34 282	442 156
3. PERAK	5 262	88 465
4. JOHOR	6 854	86 259
5. SABAH	3 024	81 187
6. NEGERI SEMBILAN	5 356	69 299
7. MELAKA	3 623	68 181
8. KELANTAN	2 934	64 810
9. KEDAH	5 472	59 843
10. PAHANG	1 978	43 404
11. PULAU PINANG	4 485	43 168
12. TERENGGANU	1 692	20 010
13. LABUAN	445	8 072
14. PERLIS	66	4 841

Source : COVIDNow

## LAMPIRAN B

### Senarai Fasiliti Swasta yang Terlibat dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bagi Negeri Pulau Pinang

#### Hospital swasta

Bil.	Hospital Swasta	Daerah
1	Gleneagles Penang	Timur Laut
2	Hospital Lam Wah Ee	Timur Laut
3	Loh Guan Lye Specialists Centre	Timur Laut
4	Optimax Eye Specialist Hospital (Penang)	Timur Laut
5	Georgetown Specialist Hospital	Timur Laut
6	BP Radiology Centre	Timur Laut
7	Pantai Hospital Penang	Barat Daya
8	KPJ Penang Specialist Hospital	Seberang Perai Tengah

#### Klinik swasta

Bil.	Klinik Swasta	Daerah
1	Qualitas Health Klinik Sentosa	
2	Klinik Aman	
3	O2 Klinik (Ayer Itam)	
4	Khong Klinik	
5	Klinik Harmony	
6	O2 Klinik (Jelutong)	
7	Klinik Huang	
8	Osel Clinic Straits Quay	
9	Osel Clinic Macalister	
10	O2 Klinik (Tanjung)	
11	Klinik Bersatu Georgetown 24 Jam	
12	O2 Klinik (Heritage)	
13	Klinik Perubatan The Pearl	Timur Laut

14	Klinik Bayan Medic	
15	Poliklinik Bagan	
16	Klinik Famili	
17	Poliklinik Panmedik	
18	Klinik Health Plus	
19	Klinik Mediviron	
20	Klinik Singapore	
21	Klinik Bersatu Bayan Baru	
22	Klinik Aman	
23	Klinik Medicris	
24	O2 Klinik (Summerton)	
25	Plux Health Clinic	
26	Klinik Seri Pulau	
27	Menara Medical Clinic	
28	Klinik Menara (Penang)	Barat Daya
29	O2 Klinik (Relau)	
30	Klinik Ihealth	
31	Bayan Medic	
32	Klinik Medilife	
33	Klinik Perubatan Tanah Melayu	
34	Klinik Singapore	
35	Qualitas Health Klinik IMA	
36	Klinik Topcare (Alma) Sdn Bhd	
37	Poliklinik Public	
38	Klinik Unicare	
39	Klinik Bersatu	
40	Klinik IHealth	
41	Klinik 1 Utama	
42	Klinik Pakar Dr. K. K. Tan	
43	BP Diagnostik	Seberang Perai Tengah
44	Klinik Joe Fernandez	
45	Klinik Caring	
46	O2 Klinik (Bukit Mertajam)	
47	Poliklinik HL	
48	Klinik Bersatu 16 Jam	
49	Klinik Dr KO	

50	Klinik Alwi dan Chandran	
51	Klinik Wong	
52	Klinik Ikhtiar (Cawangan Penanti)	
53	O2 Klinik (Raja Uda)	
54	BP Diagnostic	
55	Klinik Ima	
56	Klinik 1 Utama	
57	Poliklinik Public	
58	IG Clinic	
59	Caring Clinic	
60	Klinik Bersatu 16 Jam	Seberang Perai Utara
61	Klinik Rawatan Dr. Mahmud Cawangan Butterworth	
62	Poliklinik Bagan	
63	Poliklinik Dr Azhar dan Rakan-Rakan (Cawangan Bagan Ajam)	
64	Poliklinik GY	
65	Klinik Putra	
66	Klinik Mika	
67	Clinic Medi-Genesis	
68	Klinik Eco Medic	
69	Poliklinik Lourdes	
70	Poliklinik Pekaka	
71	Klinik Tasek Mutiara Sdn Bhd	
72	Pluxhealth Clinic 24 Jam	
73	Klinik Jaaya	
74	Klinik Jawi	
75	Klinik Lim	
76	Klinik Dr. Dashindar Singh	
77	Klinik Joe Fernandez	
78	Peoples Clinic	

## LAMPIRAN C



### KENYATAAN MEDIA

#### SARANAN BERKENAAN PENDAFTARAN SECARA WALK-IN UNTUK SENARAI MENUNGGU DI PPV FASILITI KESIHATAN SWASTA

**19 NOVEMBER 2021** ~Merujuk kenyataan media yang dikeluarkan oleh Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 ~ Penggalak (CITF-B) bertarikh 16 November 2021, mengenai pendaftaran di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) fasiliti kesihatan swasta, ProtectHealth ingin memaklumkan mengenai langkah-langkah yang perlu diambil.

##### Pendaftaran Individu

- Selain secara *walk-in*, pendaftaran nama sebagai senarai menunggu di PPV juga boleh dilakukan melalui telefon dan/atau emel mengikut senarai PPV yang tersedia di laman web ProtectHealth ([www.protecthealth.com.my](http://www.protecthealth.com.my)) bermula 22 November 2021. Senarai PPV akan dikemaskini dari semasa ke semasa.
- Individu yang layak disaran untuk mendaftar nama sebagai senarai menunggu hanya di **satu (1)** PPV fasiliti kesihatan swasta sahaja, bagi mengelakkan kekeliruan.
- Mereka yang telah berjaya mendaftar akan dimasukkan ke dalam senarai menunggu terlebih dahulu dan akan dihubungi oleh pengamal perubatan swasta terbabit sekiranya ada pembatalan janji temu atau *no show* oleh mereka yang telah menerima janji temu vaksin dalam MySejahtera.
- Mereka yang telah menerima janji temu MySejahtera :
  - dapatkan vaksin mengikut janji temu seperti yang ditetapkan
  - jangan mendaftar nama dalam mana-mana senarai menunggu.

Pendaftaran secara *walk-in*, emel dan/atau telefon ini akan dilaksanakan bagi:

- Individu yang layak pemberian dos penggalak yang belum menerima janji temu;
  - Para petugas barisan hadapan kesihatan, keselamatan dan pertahanan;
  - Individu berusia 40 tahun dan ke atas;
  - Individu berusia 18 tahun dan ke atas dengan komorbiditi;
  - Penghuni termasuk petugas di Pusat Jagaan Kesihatan Jangka Panjang;
  - Ibu yang mengandung; dan
  - Keperluan ke luar negara

1/2

## LAMPIRAN C

- Individu (termasuk remaja berusia 12-17 tahun) yang masih belum menerima suntikan dos pertama atau kedua vaksin COVID-19; dan
- Individu yang terlepas janji temu vaksin

Pendaftaran untuk senarai menunggu di PPV fasiliti kesihatan swasta di bawah ProtectHealth adalah percuma dan pada masa ini, hanya vaksin Comirnaty (Pfizer-BioNTech) diberikan di PPV yang disenaraikan. Pendekatan ini akan memudahkan dan menggalakkan individu yang layak menerima dos penggalak lebih awal tanpa perlu menunggu lebih lama selain dapat membantu Kerajaan memastikan vaksin tidak dibazirkan dan dapat digunakan secara optima.

Kami menggesa mereka yang telah mendapatkan janji temu vaksin untuk segera mendapatkan vaksin. ProtectHealth melalui pengamal perubatan swasta dan NGO kesihatan akan terus komited membantu mengurangkan beban Kementerian Kesihatan bagi mempercepatkan dan memperluaskan capaian vaksinasi dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan. Lindung diri, lindung semua.

PROTECTHEALTH CORPORATION SDN. BHD.

2/2

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(B)(XXIII)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

14. Perincikan pelaksanaan Jalinan Digital Negara (JENDELA) dan Penang Connectivity Master Plan (PCMP) bagi menambah baik jaringan talian dan internet di KADUN Pulau Betong?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

14. Pelaksanaan projek-projek bagi menambah baik jaringan talian dan internet di KADUN Pulau Betong di bawah initiatif Strategik Jalinan Digital Negara (JENDELA) dan *Penang Connectivity Master Plan (PCMP)* adalah seperti berikut:
  - (i) Kerja-kerja naik taraf Stesen Pemancar (4G/LTE) bagi jalur lebar mudah alih telah disiapkan di 13 kawasan manakala baki satu (1) lagi kawasan masih dalam pelaksanaan. Kerja-kerja dijangka akan disiapkan pada penghujung bulan Disember 2021.
  - (ii) Kerja-kerja ketersediaan sambungan gentian optik bagi jalur lebar tetap telah disiapkan di 641 premis manakala baki 897 premis masih dalam pelaksanaan. Kerja-kerja dijangka akan disiapkan pada akhir tahun 2022.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(B)(XXIII)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

15. Sering kali penduduk miskin mengadu harga *swab test* mahal.
- (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk kawalan harga ini?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

15. (a) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan bekerjasama dalam melaksanakan penentuan harga borong dan runcit bagi kit ujian pantas antigen COVID-19 (ujian kendiri). Kerajaan sedar bahawa situasi COVID-19 di negara kita dan di seluruh dunia masih belum pulih malah situasi yang sedang melanda pada masa sekarang adalah lebih mencabar.

Sehubungan itu, permintaan terhadap kit ujian pantas antigen COVID-19 (ujian kendiri dijangkakan meningkat susulan kesedaran orang ramai bagi membuat ujian kendiri untuk memastikan diri bebas daripada wabak COVID-19. KPDNHEP telah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan semua pemain industri tempatan dan pengimport dalam menentukan harga kawalan yang berpatutan bagi semua pihak. KPDNHEP juga menjangkakan kesan persaingan akan menstabilkan lagi harga jualan di semua peringkat seperti mana berlaku kepada harga pelitup muka sekarang.

Hasil kerjasama (KKM) dengan KPDNHEP, harga siling borong dan runcit bagi kit ujian pantas antigen COVID-19 (ujian kendiri) telah ditetapkan pada harga RM19.90 (harga borong) dan RM16.00 (harga runcit) yang telah berkuat kuasa pada 5 September 2021. Justeru, harga telah pun diturunkan kepada RM6.90 seperti diumumkan pada 1 November 2021.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(B)(XXIII)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

16. Mengapakah klinik kesihatan tidak menyediakan kemudahan swab test percuma untuk golongan miskin tegar?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

16. Bagi tujuan pengesanan COVID-19 dalam kalangan semua kes yang bergejala dan juga dalam kalangan kontak rapat yang telah dikenal pasti, ujian *swab* akan dilakukan kepada para pesakit secara percuma termasuklah kepada golongan miskin tegar.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(B)(XXIII)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

17. Adakah swab test dari negeri ini harus dihantar jauh ke makmal di Ipoh dan terpaksa menunggu banyak hari untuk mendapatkan keputusan?
- (a) Jika ya, kenapa?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

17. (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pulau Pinang sentiasa bekerjasama dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi membendung pandemik COVID-19. Antara perkara yang terlibat bagi mengesan jangkitan COVID-19 ialah melalui ujian calitan (*swab test*). Berdasarkan maklumat JKN, terdapat dua (2) kaedah pengesanan bagi tujuan pengujian sampel COVID-19 seperti berikut:
- (i) Untuk tujuan diagnosis klinikal kes-kes di hospital, ujian dibuat di Makmal Patologi, Hospital Pulau Pinang. Tempoh bagi memperoleh keputusan ujian ini adalah antara 48 hingga 72 jam.
- (ii) Untuk tujuan pengesanan COVID-19 dalam kalangan kontak rapat, kawalan wabak dan sampel-sampel untuk tujuan surveilan, sampel akan dihantar ke Makmal Kesihatan Awam Ipoh (MKAI). Ini kerana MKAI merupakan makmal yang telah ditetapkan untuk melakukan aktiviti di bawah kesihatan awam. Tempoh

bagi memperoleh keputusan ujian ini adalah antara 48 hingga 72 jam.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(B)(XXIII)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

18. Huraikan pemantauan *Standard Operating Procedure (SOP)* COVID-19 oleh pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) khususnya bagi sektor penjaja.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

18. Pemantauan SOP COVID-19 yang dijalankan oleh MBPP merangkumi pematuhan kepada aspek-apsek berikut:-
- (a) Paparan Had Maksima Pelanggan atau sistem nombor giliran digalakkan.
  - (b) Tempat beratur sebelum masuk hendaklah ditandakan dengan jarak 1 meter.
  - (c) Hanya satu (1) laluan keluar dan masuk dengan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.
  - (d) Pelesen / pembantu (minima 1 dos suntikan vaksin).
  - (e) *Face mask* yang sempurna pemakaian.
  - (f) Konsep *pre-order*, *drive thru* dan bayaran secara elektronik tanpa tunai digalakkan.
  - (g) Kod QR MySejahtera.
  - (h) Kawalan pematuhan oleh setiap pengunjung oleh RELA / lain-lain agensi penguatkuasaan.

- (i) *Hand sanitizer* dan *thermal scanner* di pintu masuk dan dipastikan penggunaannya sebelum masuk.
- (j) Pelanggan **MESTI** menunjukkan **Kad/Sijil Digital Vaksinasi**.
- (k) Pelanggan dengan status **Tiada Kes, Low Risk** dan **Casual Contact Low Risk** sahaja dibenarkan masuk.

Peniaga yang gagal mematuhi arahan akan dikenakan tindakan notis pemberitahuan kesalahan dan kompaun.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(B)(XXIII)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

19. Perincikan pemantauan SOP COVID-19 bagi sektor pelancongan.

**YB. YEOH SOON HIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

19. **Sistem Akreditasi bagi Kesiapsiagaan COVID-19 di Pulau Pinang (COVID-19 Safety Accreditation Programme)**

Akreditasi ini akan diberikan kepada penggiat-penggiat industri pelancongan yang telah memenuhi dan mematuhi Garis Panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) termasuk kebersihan dan keselamatan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Proses audit yang menyeluruh juga giat dijalankan untuk memastikan semua garis panduan dan SOP dipatuhi sebelum kelulusan permohonan akreditasi tersebut. Pihak yang telah memenuhi SOP akreditasi ini akan diberi logo rasmi untuk dipamerkan di premis serta untuk kegunaan promosi dan pemasaran. Mempamerkan logo akreditasi di premis hotel dan tempat daya tarikan akan memberi keyakinan yang tinggi kepada para pelancong semasa mereka berkunjung ke Pulau Pinang.

**Kempen “Pelancongan Bertanggungjawab”**

Pulau Pinang merupakan negeri pertama di Malaysia yang melancarkan kempen “Pelancongan Bertanggungjawab”. Kempen ini merupakan satu pendekatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai peringatan kepada semua pihak terhadap kepentingan untuk mematuhi SOP dan menjaga kebersihan diri

sendiri semasa melancong ke Pulau Pinang. Kempen ini dipromosikan melalui papan iklan, bas Rapid Penang, perhentian bas, risalah dan media sosial. Setelah pembukaan sempadan domestik, aktiviti pemasaran kempen seperti poster, gegantung dan iklan telah diadakan sebagai peringatan kepada orang ramai untuk mematuhi SOP yang ditetapkan.

Pemantauan yang ketat juga giat dijalankan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBPP) dalam memastikan setiap pengunjung yang memasuki premis pelancongan mengimbas aplikasi MySejahtera, mengimbas suhu badan dan menjalani pemeriksaan sijil vaksin lengkap dua (2) dos di laluan masuk setiap premis.

Pengawal Keselamatan MBPP dan MBSP akan turut membuat rondaan dan memantau pematuhan penjarakan fizikal oleh pengunjung sebagaimana arahan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Pemantauan SOP COVID-19 bagi sektor pelancongan terutamanya di taman-taman rekreasi selenggaraan MBSP adalah seperti berikut:

- (i) MBSP telah melaksanakan kawalan statik di Taman Rekreasi Taman Tunku, Taman Rekreasi PBAPP Bukit DO, Robina Eco Park, dan Vision Park Bertam;
- (ii) Pemantauan secara berkala akan dijalankan di 17 lokasi lain dan 925 kawasan lapang;
- (iii) Penggunaan kemudahan awam seperti *outdoor gym* dan alat permainan adalah dibenarkan dengan mengamalkan kawalan kendiri;
- (iv) Hanya pengunjung dengan vaksinasi lengkap (sempurna dua (2) dos vaksin) sahaja dibenarkan mengunjungi dan menggunakan taman rekreasi awam dan kawasan lapang MBSP;
- (v) Kanak-kanak berumur 17 tahun dan ke bawah adalah dibenarkan melakukan aktiviti riadah di taman rekreasi

- awam dan kawasan lapang dengan syarat ibu bapa atau waris telah menerima vaksinasi lengkap; dan
- (vi) Waktu kebenaran penggunaan taman rekreasi awam dan kawasan lapang MBSP adalah dari pukul 6.00 pagi sehingga 8.00 malam sahaja.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(B)(XXIII)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

20. Sehingga bilakah imuniti kelompok akan kekal?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

20. Secara teorinya, imuniti kelompok bagi sesuatu penyakit berjangkit dapat dicapai apabila 80 peratus (80%) populasi setempat telah mencapai tahap imuniti kepada sesuatu penyakit.

Berdasarkan kepada teori tersebut, penduduk di Negeri Pulau Pinang dianggap telah mencapai imuniti kelompok berdasarkan kepada jumlah keseluruhan penduduk negeri Pulau Pinang yang telah menerima vaksin COVID-19 sehingga 22 November 2021 seperti berikut:

- (i) Keseluruhan Warga Pulau Pinang: 1,520,442 (85.7%) bagi dos 1; dan 1,491,460 (84.1%) bagi dos 2.
- (ii) Dewasa: 1,389,725 (101.7%) bagi dos 1; dan 1,366,635 (100.0%) bagi dos 2; dan
- (iii) Remaja: 130,717 (92.4%) bagi dos 1; dan 124,825 (92.4%) bagi dos 2.

Walau bagaimanapun, bagi jangkitan COVID-19, imuniti kelompok masih sukar dicapai kerana virus SARS-CoV-2 masih berevolusi dengan pelbagai varian baharu. Selain itu, terdapat juga faktor kanak-kanak di bawah umur 12 tahun

yang masih berisiko untuk jangkitan kerana mereka masih belum diberikan vaksin.

Bagi mengekang penularan jangkitan COVID-19, pemberian dos penggalak (*booster*) sedang dilaksanakan serta kajian untuk pemberian vaksin kepada kanak-kanak di bawah umur 12 tahun juga sedang dijalankan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(B)(XXIII)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

21. Sejauh manakah pandemik selama dua (2) tahun menjaskan pendapatan Kerajaan Negeri?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

21. Tidak dinafikan Pandemik COVID-19 memberi kesan kepada prestasi pendapatan Kerajaan Negeri pada tahun ini. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan bagi membendung penularan jangkitan COVID-19 telah memberi impak kepada kutipan hasil berikutan keadaan ekonomi yang kurang stabil akibat pandemik ini.

Jumlah kutipan hasil pada tahun 2020 adalah berjumlah RM467.27 juta atau 90.01 peratus berbanding anggaran hasil RM519.16 juta. Kutipan Hasil Cukai adalah sebanyak RM130.07 juta, Hasil Bukan Cukai sebanyak RM254.22 juta dan Terimaan Bukan Hasil sebanyak RM82.98 juta.

Bagi tahun 2021 pula, pendapatan Kerajaan Negeri sehingga 31 Oktober 2021 adalah sebanyak RM574.56 juta atau 113.55 peratus daripada anggaran hasil RM506.02 juta. Kutipan Hasil Cukai adalah sebanyak RM129.16 juta, Hasil Bukan Cukai sebanyak RM364.22 juta dan Terimaan Bukan Hasil sebanyak RM81.18 juta.

Walaupun kutipan tahun 2021 telah mencapai anggaran yang ditetapkan, namun ia sebenarnya merangkumi kutipan Premium Pemberian Milikan berjumlah RM230.99 juta yang diterima bagi projek Tanjung Pinang Development. Sekiranya

amaun ini tidak diambilkira, maka kutipan hasil hanya berjumlah RM343.57 juta iaitu 67.87 peratus daripada anggaran.

Pandemik COVID-19 yang melanda selama dua (2) tahun ini telah menjaskan pendapatan Kerajaan Negeri berikutan kehilangan beberapa sumber hasil. Pengurangan pendapatan pada tahun 2020 adalah berjumlah RM51.89 juta berbanding anggaran dan unjuran kehilangan hasil pada tahun 2021 adalah berjumlah RM42.78 juta.

Kehilangan hasil ini adalah disebabkan oleh pengecualian duti hiburan, sewa bangunan dan lain-lain insentif yang diberikan untuk meringankan beban rakyat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(B)(XXIII)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

22. Bagaimanakah perancangan Kerajaan Negeri dalam Bajet 2021 untuk pembangunan penduduk miskin seperti di Balik Pulau?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

22. Kerajaan Negeri bersama semua jabatan kerajaan dan agensi berkaitan sentiasa membuat perancangan yang teliti meliputi kesemua aspek daripada segi ekonomi, sosial dan sebagainya dalam penyediaan sesuatu bajet tahunan. Bagi memastikan pembangunan yang inklusif, adil dan saksama ke atas semua rakyat di negeri ini, input-input berkaitan juga dinilai dan diambil kira bagi memastikan kesemua lapisan masyarakat tanpa mengira status sosial dan lokasi penempatan mereka. Antara perancangan yang turut diambil kira bagi penyediaan bajet termasuklah perancangan projek / program bagi pembangunan penduduk miskin seperti Program Bina Baharu dan Baiki Rumah Rakyat Miskin, Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan), Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) Negeri Pulau Pinang dan projek/program lain yang berkaitan. (**Rujuk Lampiran**)

Setelah kajian dan pertimbangan yang teliti dilaksanakan, barulah sesuatu cadangan bajet akan dibentangkan untuk kelulusan Kerajaan Negeri.



## **GARIS PANDUAN PROGRAM BINA BARU DAN BAIKI RUMAH RAKYAT TERMISKIN**

### **1. TUJUAN**

Garis Panduan ini disediakan bertujuan untuk memberikan panduan kepada Pejabat Daerah dan Tanah sebagai agensi pelaksana bagi Program Bina Baru dan Baik Pulih Rumah Rakyat Termiskin.

### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Program Bina Baru dan Baiki Rumah Rakyat Termiskin telah diperkenalkan pada tahun 2008 sebagai usaha Kerajaan Negeri untuk menyediakan kediaman yang selamat dan selesa kepada golongan miskin di Pulau Pinang. Program ini melibatkan dua (2) skop iaitu pembaikan rumah dan pembinaan rumah baharu.
  
- 2.2 Program ini merupakan salah satu program di bawah Pengurus Jawatankuasa MMK Pembangunan Luar Bandar yang diselaraskan oleh Bahagian Perancang Ekonomi Negeri melalui Vot Pembangunan P01(64) – Projek Khas Ekonomi.
  
- 2.3 Garis panduan Program Bina Baru dan Baiki Rumah Termiskin ini telah dibangunkan dan dikuatkuasakan pada 4 Januari 2016. Selaras dengan keperluan semasa dan sebagai usaha

untuk mempercepatkan proses permohonan serta kelulusan, YB. Pengerusi Jawatankuasa MMK Pembangunan Luar Bandar telah mencadangkan beberapa penambahbaikan bagi program ini. Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil.44/2020 pada 17 Disember 2020 dan disahkan pada tarikh yang sama telah meluluskan penambahbaikan yang dicadangkan oleh YB. Pengerusi Jawatankuasa MMK Pembangunan Luar Bandar bagi Program Pembinaan Rumah Rakyat Rumah Rakyat Termiskin.

- 2.4 Garis panduan ini dibangunkan selaras dengan keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil.44/2020 pada 17 Disember 2020.

### **3. SYARAT PEMILIHAN**

- 3.1 Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat seperti berikut untuk dipertimbangkan di bawah Program Pembinaan Rumah Rakyat Termiskin:
- a) Warganegara Malaysia;
  - b) Bermastautin dan berdaftar sebagai pengundi di negeri Pulau Pinang;
  - c) Berumur 35 tahun ke atas;
  - d) Berdaftar dan disahkan dalam **Jawatankuasa Pembasian Kemiskinan Daerah** sebagai miskin atau berpendapatan isi rumah RM2,500 dan ke bawah; dan
  - e) Memiliki tanah sendiri dengan keluasan bersesuaian atau bagi bukan pemilik tanah perlu mendapatkan Surat Akuan Bersumpah (AM80) dari pemilik tanah (perlu kemukakan salinan geran tanah), atau pemegang Lesen

Pendudukan Sementara (perlu mengemukakan salinan kelulusan LPS dan bayaran cukai).

- 3.2 Permohonan bagi maksud menyiapkan mana-mana bahagian dalam atau luar rumah adalah **TIDAK LAYAK DIPERTIMBANGKAN.**
- 3.3 Pembaikan rumah teres, rumah ladang dan rumah bertingkat (flat, apartment dan lain – lain) adalah **TIDAK LAYAK DIPERTIMBANGKAN.**
- 3.4 Setiap permohonan mestilah mendapatkan sokongan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)/Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN).

#### **4. SKOP BINA BARU RUMAH RAKYAT TERMISKIN NEGERI PULAU PINANG**

- 4.1 Layak dipertimbangkan sekiranya rumah terlalu daif, uzur dan tidak ekonomik untuk dibaiki.
- 4.2 Kos maksimum sebuah rumah **RM56,000.00** termasuk kos tambahan, kos kontigensi dan kos-kos lain berkaitan. Spesifikasi pembinaan adalah seperti di **Lampiran A**. Reka bentuk rumah yang melibatkan satu (1) bilik air adalah seperti di **Lampiran B** dan dua (2) bilik air adalah seperti di **Lampiran C**.

#### **5. SKOP BAIKI RUMAH RAKYAT TERMISKIN NEGERI PULAU PINANG**

- 5.1 Layak dipertimbangkan bagi rumah yang hanya mempunyai struktur rumah yang kukuh dan tidak perlu diroboh dan bina semula.
- 5.2 Kadar maksimum baik pulih rumah adalah **RM42,000.00**.
- 5.3 Bahagian teknikal PDT perlu membuat penilaian anggaran kos dan skop bantuan yang diperlukan. Perakuan dan pengesahan dibuat melalui Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Daerah.

## **6. KAEDAH PENGURUSAN PERUNTUKAN**

Kaedah perolehan bagi Program Bina Baru Rumah dan Program Baik Pulih Rumah mengikut kaedah perolehan seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan, PK2.1 – Kaedah Perolehan Kerajaan dan dibenarkan dilaksanakan secara Gotong-Royong di bawah Pekeliling Perbendaharaan yang sama.

## **7. PENUTUP**

Garis Panduan ini diharap akan menjadi rujukan dan membantu memudahkan urusan Jabatan dan Agensi yang berkaitan mengenai tanggungjawab dan peranan agensi, kaedah pelaksanaan dan borang yang digunakan dalam pelaksanaan Program Bina Baru dan Baik Pulih Rumah Rakyat Termiskin, Projek Khas Ekonomi Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

## LAMPIRAN D

### CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN BINA BARU RUMAH DI BAWAH P.01 (64) PROJEK KHAS EKONOMI

#### TANGGUNGJAWAB


Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN)

Pejabat Daerah dan Tanah (PDT)

Pejabat Daerah dan Tanah (PDT)

Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN)

#### PROSES KERJA



1. Pengurusan Waran Peruntukan Kecil kepada Pejabat Daerah dan Tanah (PDT).
2. PDT menyelaras permohonan yang diterima untuk pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Kemiskinan.
3. Pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Kemiskinan.
4. Urusan perolehan dilaksanakan secara gotong-royong mengikut Pekeliling Perbendaharaan PK 2.1 – Kaedah Perolehan Kerajaan.
5. Urusan pembayaran dilaksanakan oleh PDT dan Laporan berkala disediakan kepada BPEN.
6. Penyelarasan laporan kepada YB. Pengerusi Jawatankuasa MMK Pembangunan Luar Bandar.

## LAMPIRAN E

### CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN BAIK PULIH RUMAH DI BAWAH P.01 (64) PROJEK KHAS EKONOMI


#### TANGGUNGJAWAB

Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN)

Pejabat Daerah dan Tanah (PDT)

Pejabat Daerah dan Tanah (PDT)

Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN)



#### PROSES KERJA

1. Pengurusan Waran Peruntukan Kecil kepada Pejabat Daerah dan Tanah (PDT).
2. PDT menyelaras permohonan yang diterima untuk pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Kemiskinan.
3. Pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Kemiskinan.
4. Urusan pembayaran dilaksanakan oleh PDT dan Laporan berkala disediakan kepada BPEN.
5. Penyelarasan laporan kepada YB. Pengerusi Jawatankuasa MMK Pembangunan Luar Bandar.
6. Urusan perolehan dilaksanakan secara gotong-royong mengikut Pekeliling Perbendaharaan PK 2.1 – Kaedah Perolehan Kerajaan.



## **GARIS PANDUAN PROGRAM PENINGKATAN DAN PEMULIHAN EKONOMI (BANTUAN PERALATAN) KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

### **1. TUJUAN**

Garis Panduan ini disediakan bertujuan untuk memberikan panduan kepada Pejabat Daerah dan Tanah sebagai agensi pelaksana bagi Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) merupakan salah satu program di bawah Pengurus Jawatankuasa MMK Luar Bandar yang diselaraskan oleh Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta dipantau oleh Pejabat Daerah dan Tanah melalui Vot Pembangunan P01(64) – Projek Khas Ekonomi.
  
- 2.2 Program ini telah diperkenalkan sejak tahun 2008 yang bertujuan untuk membantu peniaga kecil bagi mengembangkan perniagaan dan seterusnya meningkatkan sara hidup.

2.3 Sebagai usaha untuk mempercepatkan proses permohonan Bantuan Peralatan, YB. Pengurus Jawatankuasa MMK Luar Bandar telah bersetuju untuk memusatkan kuasa memberikan kelulusan permohonan Bantuan Peralatan kepada Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah.

### **3. SYARAT PEMILIHAN**

- 3.1 Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat seperti berikut untuk dipertimbangkan di bawah Program Pebaikan Rumah Rakyat Termiskin:
- a) Warganegara Malaysia;
  - b) Bermastautin dan berdaftar sebagai pengundi di negeri Pulau Pinang;
  - c) Berumur tidak melebihi 60 tahun;
  - d) Pendapatan isi rumah kurang RM3,000.00 sebulan (keutamaan diberikan kepada penerima bantuan AES);
  - e) Telah menjalankan perniagaan sepenuh masa untuk tempoh sekurang-kurangnya setahun di Pulau Pinang;
  - f) Bantuan Peralatan yang dimohon adalah bertujuan untuk mengembangkan **PERNIAGAAN SEDIA ADA** agar mampu meningkatkan produktiviti/jumlah jualan; dan
  - g) Keutamaan akan diberikan kepada pemohon yang telah menghadiri kursus kemahiran atau mempunyai produk pengeluaran sendiri.

#### **4. SKOP PENINGKATAN DAN PEMULIHAN EKONOMI (BANTUAN PERALATAN)**

- 4.1 Bantuan Peralatan ini adalah terhad kepada pembelian peralatan yang digunakan untuk perniagaan / perusahaan sedia ada bagi meningkatkan jumlah penghasilan atau produktiviti.
- 4.2 Penerima tidak dibenarkan sama sekali untuk menjual, mencagar, memindahkan milik peralatan yang diberi tanpa mendapat kelulusan Kerajaan Negeri.
- 4.3 Penerima bertanggungjawab untuk memulangkan peralatan yang diberikan sekiranya tidak lagi menggunakan peralatan tersebut dalam tempoh tiga (3) tahun (melalui ikrar Surat Aku Janji).
- 4.4 Dalam tempoh program, penerima perlu memberi kebenaran kepada wakil Kerajaan Negeri untuk memeriksa peralatan sepanjang tempoh tiga (3) tahun. Peralatan akan menjadi hak milik penerima selepas tamat tempoh tiga (3) tahun.
- 4.5 Sebarang pengecualian daripada garis panduan ini perlu mendapat kelulusan daripada Pengurus Jawatankuasa MMK Pembangunan Luar Bandar melalui Bahagian Perancang Ekonomi Negeri.

## **5. KAE DAH PENGURUSAN PERUNTUKAN**

- 5.1 Permohonan boleh dibuat melalui PDT yang akan dipertimbangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Daerah.
- 5.2 Urusan pembayaran bagi Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) akan dilaksanakan oleh PDT. Pihak PDT perlu mengemukakan laporan bulanan kepada BPEN dan perlu membentangkan status pelaksanaan projek dalam Sesi Penyelarasang P.01 Butiran 64 yang diurussetiakan oleh Unit Pembangunan BPEN.
- 5.3 BPEN akan menguruskan waran peruntukan kecil (WPK) bagi Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) kepada semua PDT.
- 5.4 Carta alir bagi proses permohonan di bawah Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) adalah seperti di **Lampiran A**.

## **6. PENUTUP**

Garis Panduan ini diharap akan menjadi rujukan dan membantu memudahkan urusan Jabatan dan Agensi yang berkaitan mengenai tanggungjawab dan peranan agensi, kaedah pelaksanaan dan borang yang digunakan dalam pelaksanaan Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan), Projek Khas Ekonomi Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

## LAMPIRAN A

### CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN PROGRAM PENINGKATAN DAN PEMULIHAN EKONOMI (BANTUAN PERALATAN) DI BAWAH P.01 (64) PROJEK KHAS EKONOMI


#### TANGGUNGJAWAB

Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN)

Pejabat Daerah dan Tanah (PDT)

Pejabat Daerah dan Tanah (PDT)

Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN)



#### PROSES KERJA

1. Pengurusan Waran Peruntukan Kecil kepada Pejabat Daerah dan Tanah (PDT).
2. PDT menyelaras permohonan yang diterima untuk pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Kemiskinan.
3. Pertimbangan Jawatankuasa Kemiskinan. Mesyuarat Pembasmian
4. Melaksanakan urusan perolehan bagi pembelian peralatan.
5. Urusan pembayaran dilaksanakan oleh PDT selepas peralatan selesai dibekalkan. Laporan bulanan disediakan kepada BPEN.
6. Penyelarasan laporan berkala kepada YB. Pengerusi Jawatankuasa MMK Pembangunan Luar Bandar.

## LAMPIRAN

### JADUAL 1: PERINCIAN PELAKSANAAN BAGI PROJEK ‘FARMER TO FARMER’


#### Perincian anggaran kos pelaksanaan bagi cadangan *Farmer to Farmer Program*

Bil	Perkara	Kos (RM)
1.	Penyediaan tapak <ul style="list-style-type: none"><li>- mencuci kawasan</li><li>- pemasangan pagar</li><li>- Plastik silvershine /Weed Mat</li></ul>	3,000.00
2.	Tangki baja, sistem pengairan, pam air, pH meter, EC meter	6,000.00
3.	Polibeg, media tanaman, tiang sokongan, tali	6,000.00
4.	Benih & tapak semaian	1,000.00
5.	Baja, foliar dan pengurusan perosak dan penyakit tanaman selama 2 pusingan tanaman	10,000.00
6.	Stor, Pusat pengumpulan hasil kawasan pilih cili	5,000.00
7.	Kos-kos lain	1,000.00
JUMLAH		32,000.00

#### Perincian anggaran kos pelaksanaan bagi cadangan Penanaman Cendawan

Bil	Perkara	Kos (RM)
1.	Rumah Cendawan Mudah Alih dan Alatan(Mobile)	6,000.00
2.	Bongkah	3000 bongkah
		9,000.00
3.	Lain-lain kos	1,000.00
	Jumlah	16,000.00

Nota. 2 rumah dengan 6000 bongkah dengan jangkaan pendapatan RM38,400.00 (2 pusingan tanaman)



## IKLAN PENYERTAAN BAGI PROGRAM ‘FARM TO FARM’ DI PENANTI, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG

Tarikh Iklan : 26 Ogos 2021 (Khamis)  
Tarikh Pengambilan Borang : 2 September 2021 (Khamis)  
Tarikh Akhir Penyerahan Borang : 10 September 2021 (Jumaat)

### SYARAT SYARAT PENYERTAAN:



1. Warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas.
2. Keutamaan diberikan kepada penduduk sekitar Seberang Perai Tengah.
3. Tergolong dalam kumpulan B40 (berpendapatan isi rumah RM 4,000 ke bawah)
4. Mempunyai minat, rajin, semangat yang tinggi, cekal dan sanggup belajar.
5. Mengisi dan menghantar borang penyertaan **Program ‘Farm to Farm’** sebelum atau pada tarikh yang ditetapkan.
6. Borang penyertaan boleh diperolehi di Pejabat Perikanan Daerah Seberang Perai, Jalan Permatang Rawa 14000 Bukit Mertajam, SPT, Pulau Pinang.



### APA ITU PROGRAM ‘FARM TO FARM’ ?

- I. Merupakan projek perintis bagi ternakan ikan keli di dalam kolam simen secara berkelompok yang akan dilaksanakan di Penanti, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang
- II. Merupakan inisiatif Kerajaan Negeri bagi meningkatkan pendapatan golongan B40 dan seterusnya melahirkan lebih ramai usahawan ternakan ikan air tawar secara mesra alam dan bertanggungjawab.
- III. Melibatkan latihan dan kerja-kerja pengurusan ternakan keli bermula dari penyediaan kolam sehingga ke peringkat tuaian hasil.
- IV. Kemudahan asas dan input ternakan disediakan oleh pihak kerajaan bagi pusingan pertama ternakan untuk memulakan pelaksanaan program ini

\*\*\* Sebarang sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Cawangan Akuakultur, Pejabat Perikanan Negeri Pulau Pinang di talian 04-6572777

### JADUAL 3: PERINCIAN PELAKSANAAN BAGI PROJEK KEBUN KERANG







## **IKLAN PENYERTAAN PESERTA KEBUN KERANG, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG**

Tarikh Iklan : 18 Ogos 2021 (Rabu)  
Tarikh Pengambilan Borang : 1 September 2021 (Rabu)  
Tarikh Akhir Penyerahan Borang : 20 September 2021 (Isnin)

### **SYARAT SYARAT PENYERTAAN:**

1. Warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas.
2. Keutamaan diberikan kepada nelayan berdaftar di Negeri Pulau Pinang bermula dari Pengkalan Nelayan Butterworth sehingga Pengkalan Kuala Muda, Pulau Pinang.
3. Tergolong dalam kumpulan B40 (berpendapatan isi rumah RM 4,000 ke bawah)
4. Mempunyai minat, rajin, semangat yang tinggi, cekal dan sanggup belajar.
5. Mengisi dan menghantar borang penyertaan sebagai Peserta Kebun Kerang sebelum atau pada tarikh yang ditetapkan.
6. Borang penyertaan boleh diperolehi di Pejabat Perikanan Daerah Seberang Perai, Jalan Permatang Rawa 14000 Bukit Mertajam, SPT, Pulau Pinang.

### **APA ITU KEBUN KERANG?**

- I. Merupakan kawasan yang diperuntukan bagi projek ternakan kerang di Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang
- II. Keluasan lot kerang adalah 21 hektar / lot
- III. Melibatkan kerja-kerja pengurusan ternakan kerang seperti tabur benih, serak benih, tuaian hasil dan kerja-kerja pembersihan lot ternakan.
- IV. Perlu memohon dan menjelaskan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) kepada Pejabat Daerah & Tanah dan juga memohon serta menjelaskan Lesen Sistem Kultur Laut (SKL) kepada Jabatan Perikanan Negeri.

\*\*\* Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Cawangan Akuakultur, Pejabat Perikanan Negeri Pulau Pinang di talian **04-6572777**